

25 MAR 2000

MIGHT-DIREKTORI

DIREKTORI AEROANGKASA MALAYSIA AKAN DITERBIT MEI INI

KUALA LUMPUR, 25 Mac (Bernama) -- Buat pertama kalinya Kumpulan Industri-Kerajaan bagi Teknologi Tinggi (Might) akan mengeluarkan direktori syarikat dan pertubuhan berkaitan aeroangkasa di Malaysia.

Dalam satu kenyataan di sini, Might menjelaskan bahawa direktori tersebut meliputi maklumat mengenai perniagaan teras, sektor penglibatan dan perkembangan pengeluaran dari segi keupayaan rekacipta, peningkatan proses, penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta kemudahan-kemudahan yang ada.

Direktori tersebut dijadual dlancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad Mei ini.

Might menambah kata bahawa direktori tersebut merupakan sambungan dan tambahan kepada Rangka Tindakan Aeroangkasa Negara yang menyediakan hala tuju dan sasaran untuk dicapai bagi industri aeroangkasa di Malaysia.

Selain daripada menyediakan pangkalan data dan maklumat mengenai syarikat-syarikat tempatan yang menceburi industri aeroangkasa, Might berharap direktori ini dapat mewujudkan hubungan dan rangkaian di kalangan peserta-peserta tempatan serta bakal-bakal pelabur asing.

Bagi memastikan direktori ini lengkap dan terperinci, Might menjemput semua syarikat dan pertubuhan yang berkaitan menyertai projek ini. --

BERNAMA

MOT KY JR